

**Kerjasama Pendidikan Malaysia-Poland Perlu Diperkukuh - Raja Muda Perlis  
Bernama  
20 September, 2012  
Daripada Adnan Jahaya**

WARSAW (Poland), 20 Sept (Bernama) -- Malaysia dan Poland perlu memperkukuhkan kerjasama pendidikan dan memanfaatkan peluang yang sedia wujud antara kedua-dua negara, titah Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Menurut baginda, Malaysia yang kini muncul sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau adalah destinasi terbaik untuk para pelajar termasuk daripada Poland meneruskan pengajian mereka.

Bertitah pada majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan dua universiti Poland di hotel Sheraton Warsaw di sini malam tadi, baginda bertitah ruang kerjasama pendidikan terlalu luas dan kedua-dua negara perlu memanfaatkannya.

Kedua universiti itu ialah Warsaw University of Technology dan Kozminski University of Poland yang merupakan antara universiti tersohor di Poland.

Tuanku Syed Faizuddin yang juga Canselor UniMAP bertitah, pada masa ini kira-kira 143 pelajar Malaysia sedang mengikuti pengajian dalam bidang perubatan di Poland dan angka itu boleh diperbesarkan melalui hubungan yang turut diwujudkan antara institusi-institusi pengajian tinggi kedua negara.

Tanpa menyatakan jumlah pelajar Poland yang kini berada di Malaysia, baginda berharap Poland melihat Malaysia sebagai destinasi ilmu yang terbaik dan selesa.

Sementara itu, UniMAP akan menjalin kerjasama dalam bidang kejuruteraan dengan Warsaw University of Technology manakala dengan Kozmiski University of Poland, kerjasama akan membabitkan bidang perniagaan antarabangsa, pemasaran dan pentadbiran.

UniMAP diwakili Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin pada majlis menandatangani memorandum itu manakala Warsaw University of Technology diwakili rektornya Prof Jan Szmidski manakala Kozminski University of Poland diwakili rektornya, Prof Witold T.Billecki.

Turut berangkat pada majlis itu ialah Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil selaku Pro Canselor UniMAP dan Timbalan Komandan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) UniMAP, Prof Madya Dr Zaliman Sauli serta para pelajar Malaysia di Poland.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=695864>